

28/05/1997

Clearwater Sanctuary beri kedamaian

Jami'ah Shukri

PERKEMBANGAN pesat pusat peranginan ketika ini turut menarik lebih ramai pengusaha untuk membangunkan sektor berkenaan sebagai memenuhi keperluan masyarakat untuk berekreasi.

Tambahan pula, orang ramai lebih gemar berehat dan menenangkan fikiran selepas keletihan bekerja seharian serta suasana hiruk pikuk bandar raya.

Pada ketika ini, kebanyakan daripada mereka akan mencari destinasi menarik untuk berekreasi. Bagi mereka yang menggemari kegiatan bersukan bersifat profesional, tentunya antara pilihan utama ialah ke kelab golf yang turut menyediakan pelbagai kemudahan berekreasi.

Di Perak, antara kelab golf yang unik serta mula mendapat perhatian ialah Clearwater Sanctuary Golf Resort di Batu Gajah, kira-kira 20 kilometer dari Ipoh.

Clearwater Sanctuary dibangunkan atas tapak bekas lombong seluas kira-kira 300 hektar. Reka bentuk padang golf itu dikendalikan oleh sebuah syarikat Pengurusan Golf Australia (M) Sdn Bhd, Tim Woolbank yang kini antara padang golf yang paling menarik di negara ini.

Clearwater Sanctuary yang dibangunkan pada 1994, kini mempunyai padang golf 18 lubang sepanjang 6,579 meter manakala sembilan lagi lubang sedang dalam peringkat pembinaan menerusi fasa ketiga.

Apa yang menarik Clearwater Sanctuary diliputi beberapa tasik seluas 140 hektar yang turut didiami oleh pelbagai haiwan jinak dan liar. Di situ, pengunjung boleh menikmati udara segar serta melihat pelbagai burung termasuk bangau, merak, helang, puyuh, burung hantu, itik dan kura-kura.

Keindahan panorama alam sekitar di Clearwater Sanctuary juga bukan saja terserlah dengan padang golf bagaikan hamparan yang gebu dan menghijau, malah pelbagai pokok menghijau melengkapkan lagi pemandangan indah itu. Di samping itu berhampiran rumah kelab tersedia sebuah kolam yang menjadi tempat tinggal pelbagai ikan.

Rumah kelab itu juga unik, dibina bercirikan rumah tradisional dan berlatar belakang sejarah Perak. Di rumah kelab itu tersedia kedai menjual peralatan serta kelengkapan permainan golf dan bilik tetamu.

Clearwater Sanctuary dijangka terus menjadi pusat peranginan yang menarik pada masa depan melalui projek pembangunan kelab berkenaan dalam fasa ketiga, mulai tahun depan.

Menerusi fasa ketiga itu, Clearwater Sanctuary akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan rekreasi lain termasuk akademi tenis, kelab memancing, BBQ, danau, pusat kesihatan, kolam renang, kawasan permainan kanak-kanak dan kawasan perkelahan.

Selain itu, Clearwater Sanctuary itu dijangka lebih canggih apabila beberapa unit chalet dibina di situ, mulai tahun depan.

Kelab dan padang golf itu boleh berbangga apabila turut dikunjungi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meluangkan masa kira-kira sejam melawat kawasan persekitaran kelab itu dalam rangka lawatan ke Perak.

Beliau diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Puan Seri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah, tiba ke kelab berkenaan kira-kira jam 9 pagi.

Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai kelab golf itu oleh Pengarahnya, Tan Sri Datuk Ahmad Azizuddin.

Selain itu, Dr Mahathir turut memberi makan kepada pelbagai ikan yang dipelihara di lapang sasaran kelab serta menyempurnakan upacara menanam

pokok depan rumah kelab berkenaan.

Clearwater Sanctuary adalah destinasi pertama yang dilawat oleh Dr Mahathir ke Perak selain merasmikan Loji Janakuasa Segari, melawat Kilang Safire Pharmaceuticals di Seri Iskandar dan Gua Tempurung.

(END)